



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **27 Nov2021 (Saturday)**

Harian Metro

GELARAN DITARIK BALIK	1
PKPS jamin harga sayur kekal rendah	2

Kosmo

Darjah kebesaran OC Phang ditarik balik bulan lalu	3
Sayur di Selangor dijamin murah	4
Kilang ayam buang sisa ke longkang	5
Mou exchange ceremony	6

Sinar Harian

Kejayaan dan pengiktirafan MPHS pemangkin pembangunan Hulu Selangor	7
Belanjawan 2022 libat belanja RM2.34 bilion	8
Kerajaan labur RM1.08 bilion bangun Sabak Bernam	9
Kompleks perumahan pekerja bakal dibina	10
Projek impak tinggi dibangunkan di pesisir Sungai Klang	11
Selangor umum bantuan khas satu setengah bulan gaji	12
Setuju ber insentif pengecualian caj pemaju RM500	13
Banjir kilat: KDEBWM kutip 100 tan sampah	14
Penerima kurinaan perlu jaga reputasi	15
Pemain ke-12 perlu lebih berdisiplin dalam norma baharu	16

Astro Awani

Belanjawan Selangor 2022 Lebih Rm 2.34 Bilion	17
Penjawat Awam Terima Bonus 1.5 Bulan Gaji	18
Peruntukan Adun pembangkang Naik Hingga Rm 400,000	19

Bernama News Channel

Selangor Bentang Belanjawan 2022 Berjumlah RM2.34 Bilion	20
Selangor Yakin Kembangkan Industri Aeroangkasa	21

Bernama Radio 24

Kerajaan Negeri Selangor Hari ini Mengumumkan Bantuan Khas Kewangan Kepada Panjawat Awam Iaitu Satu Bulan Gaji	22
--	----

Nasional FM (87.7)

Peruntukkan Lebih Tinggi Kepada Sektor Kesihatan	23
--	----

RTM1

Belanjawan Selangor 2022 Bernilai Lebih RM2.34 Bilion	24
---	----

TV3

SAS 2021 Titik Mula Kembangkan Industri, Tarik Minat Pelabur	25
--	----

The Star

Assessment hike planned for Kajang	26
Report domestic violence via new SELamat helpline	27
Aerospace training	28

New Straits Times



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



'Selangor ruler revokes title of ex-PKA GM Pahang	29
Bernama News Channel	
Selangor Tables RM2.34 Bil Budget For 2022	30
BFM89.9	
Construction Worked Can Only Run From 8AM To 6PM Monday To Saturday	31
The Edge	
Centralised workers' accomodation the next booming segment?	32
(From left) Invest Selangor Bhd	33
Traxx FM (90.3)	
Announces Special Financial Assistant To State Civil Servant	34
Table RM2.34 Billion State Budget For 2022	35
China Press	
Allocate RM108 million to launch BINGKAS; 30,000 households can obtain RM3600 per year.	36
New rules for apply business license next year; Must first appoint a garbage contractor.	37
Your convenience, others' trouble; Stop throwing statue of god around!.	38
Air fair after pandemic.	39
Teng Chang Khim: With exhibitors communicate; 3 Airlines draw up to set up factory in Selangor.	40
Sin Chew Daily	
Policy to clamp down on water pollution to be implemented next year; dasar pelepasan sifar and the polluter pays principle	41
Selangor Budget 2022; 5 major strategies to promote economic recovery	42
Nanyang Siang Pau	
Selangor presents RM2.3b budget; 5 strategies to implement measures that benefit the people	43
Guang Ming Daily	
Selangor civil servants received 1 month bonus of at least RM1000	44
A compulsory rule for operating licenses in Ampang Jaya commercial area; Applicants must appoint garbage collectors	45
Quit rent for Kajang residents may increase by 25% as city council prepares to re-evaluate properties	46
Bernama News Channel	
Ekonomi Selangor Dijangka Merosot 5.3%	47
Selangor Bentang Belanjawan 2022 Berjumlah RM2.34 Bilion	48



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
27 November 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	GELARAN DITARIK BALIK
Muka Surat	:	20

GELARAN DITARIK BALIK

Darjah kebesaran OC Phang dibatalkan berkuat kuasa pada Oktober lalu

Oleh Norzamira Che Noh
 am@hmetro.com.my

Shah Alam

Darjah kebesaran Selangor bagi bekas Pengerusi Besar Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Phang Ai Tu atau OC Phang (*gambar*) ditarik serta dibatalkan berkuatkuasa Oktober lalu.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Haris Kasim berkata, keputusan penarikan serta pembatalan dilakukan bagi menjunjung titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan selepas berunding dengan

Dewan diRaja Selangor. Katanya, OC Phang dikurangkan Darjah Kebesaran Datuk - Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (D.S.S.A.) pada 2001 dengan gelaran Datin Paduka sebelum diisytiharkan muflis oleh Jabatan Insolvensi.

"Justeru, keahlian beliau sebagai penyandang darjah kebesaran itu ditarik balik dan dibatalkan berkuat



kuasa pada Oktober lalu berikutan beliau seorang yang tidak layak serta sesuai memegang darjah kebesaran itu.

"Beliau juga dilarang daripada menggunakan gelaran Datin Paduka dan mana-mana pihak turut ditegah memanggil beliau dengan gelaran berkenaan," katanya, semalam.

Mengulas lanjut, Haris yang juga Pen-

daftar Darjah Kebesaran Negeri Selangor berkata, perkara itu selaras dengan kuasa Sultan Sharafuddin mengikut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dan Statut Darjah Kebesaran berkenaan.

Katanya, baginda memandang berat reputasi penerima Darjah Kebesaran Selangor terutama pegawai yang terbabit dengan perituduhan perlakuan tidak berintegriti seperti rasuah, pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa.

"Penerima darjah kebesaran itu seharusnya tidak terbabit dengan perbuatan salah laku dan kesalahan je-

nayah demi melindungi martabat darjah berkenaan serta memelihara status penerima," katanya.

Katanya, Sultan Selangor turut mengingatkan semua pihak bertanggungjawab memastikan langkah wajar dan tindakan tegas dilaksanakan bagi membendung gejala rasuah, pecah amanah, penyalahgunaan kuasa dan amalan tidak berintegriti.

"Ia terutama ke atas semua penjawat awam, pemimpin, golongan profesional, ahli korporat dan orang perseorangan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti salah laku.

"Langkah itu bagi memastikan negeri ini sentiasa dalam suasana aman dan di bawah tadbir urus yang cekap, amanah serta berintegriti," katanya.

Pada 19 Januari lalu, sebuah portal melaporkan LPK tidak dapat meneruskan usaha menuntut sebahagian daripada kerugian lebih RM2 bilion berkaitan dengan kontroversi Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ).

Ia berikutan OC Phang dinyatakan bankrap oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam pada September 2018 yang memutuskan bahawa OC Phang bertanggungjawab atas kerugian berkenaan.



KERATAN AKHBAR
27 November 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	PKPS jamin harga sayur kekal rendah
Muka Surat	:	22

PKPS jamin harga sayur kekal rendah

Shah Alam: Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) memberi jaminan harga jualan produk sayurannya kekal pada harga rendah dan berpatutan walaupun berlaku kenaikan harga mendadak di pasaran.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr Mohammad Khairil Mohamad Razi berkata, pihaknya melancarkan kempen jualan mega jimat untuk memastikan rakyat negeri ini terus mendapat akses kepada sayuran berkualiti pada harga rendah.

Katanya, kempen itu juga adalah sebahagian daripada promosi memperkenalkan jenama komersial PKPS iaitu Ehsan kepada orang ramai.

“Senarai sayuran yang akan dijual antaranya sawi hijau, brokoli, cili merah, cili hijau, kangkung, bayam merah, terung, timun dan sebagainya.

“Sebagai contoh, sayur pak choy yang dijual pada harga RM9 sekilogram, di pasaran kami akan jual hanya pada harga RM3.50 sekilogram.

“Manakala kacang buncis yang dijual pada harga RM15 sekilogram, di pasaran kami akan jual pada harga RM6 sekilogram,” katanya semalam.

Beliau berkata, PKPS mempunyai mekanisme kawalan harga sendiri memandangkan ladangnya di Selangor Fruit Valley, Bestari Jaya turut mengeluarkan hasil sayuran.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
27 November 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Darjah kebesaran OC Phang ditarik balik bulan lalu
Muka Surat	:	12

Darjah kebesaran OC Phang ditarik balik bulan lalu

SHAH ALAM – Darjah kebesaran Selangor kepada bekas Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), OC Phang atau Phang Ai Tu ditarik balik dan dibatalkan berkuat kuasa bulan lalu.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Haris Kasim berkata, keputusan itu bagi menjunjung titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selepas berunding dengan Dewan di-Raja Selangor.

Katanya, OC Phang yang dikurniakan Darjah Kebesaran Dato' - Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (D.S.S.A.) pada 2010 dengan gelaran Datin Paduka telah diisytiharkan mufis oleh Jabatan Insolvensi.

"Justeru, keahlian beliau sebagai penyanggah darjah kebesaran itu ditarik balik dan dibatalkan berkuat kuasa pada Oktober lalu kerana seorang yang tidak layak dan sesuai memegang darjah tersebut.

"Beliau dilarang daripada menggunakan gelaran Datin Paduka dan mana-mana pihak turut ditegah memanggil beliau dengan gelaran berkenaan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Jelas Haris yang juga Pendaftar Darjah Kebesaran Negeri Selangor, perkara itu selaras dengan kuasa Sultan Sharafuddin di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dan Statut Darjah Kebesaran berkenaan.

"Baginda memandang berat reputasi penerima Darjah Kebesaran Selangor terutama pegawai



OC PHANG

yang terlibat dengan pertuduhan perlakuan tidak berintegriti seperti rasuah, pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa.

"Penerima darjah kebesaran itu seharusnya tidak terlibat dengan perbuatan salah laku dan kesalahan jenayah demi melindungi martabat darjah berkenaan serta memelihara status penerimanya," ujarnya.

Tambah beliau, Sultan Sharafuddin turut mengingatkan semua pihak bertanggungjawab memastikan langkah wajar dan tindakan tegas dilaksanakan bagi membendung gejala rasuah, pecah amanah, penyalahgunaan kuasa dan amalan tidak berintegriti.

"Ja terutama ke atas semua penjawat awam, pemimpin, golongan profesional, ahli korporat dan orang perseorangan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti salah laku.

"Langkah itu bagi memastikan negeri ini sentiasa dalam suasana aman dan di bawah tadbir urus yang cekap, amanah serta berintegriti," katanya.

Pada 19 Januari lalu, sebuah portal melaporkan LPK tidak dapat meneruskan usaha menuntut sebahagian daripada kerugian lebih RM2 bilion yang berkaitan dengan kontroversi Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ).

Ia berikutan Phang dinyatakan bankrap oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam pada September 2018 yang memutuskan bahawa Phang bertanggungjawab atas kerugian tersebut sebelum diisytiharkan mufis pada 17 Ogos 2019 oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur susulan petisyen daripada 21 bekas pengarah.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
27 November 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Sayur di Selangor dijamin murah
Muka Surat	:	16

PKPS mempunyai kawalan harga dalam pengeluaran sayur di negeri itu

Sayur di Selangor dijamin murah

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) memberi jaminan jualan produk sayur-sayuran pihaknya masih kekal pada harga rendah dan berpatutan.

Sayuran itu antaranya sawi hijau, brokoli, cili, kangkung, bayam merah, terung dan timun.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr. Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, pihaknya mempunyai mekanisme kawalan harga berikutan ladang di Selangor Fruit Valley, Bestari Jaya turut mengeluarkan hasil sayuran sendiri.

"PKPS sebagai peneraju Inisiatif Jaminan Bekalan Selangor akan terus memikirkan kaedah membantu rakyat terutama dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil.

"Justeru, kita memberi jaminan bahawa harga produk sayuran PKPS masih rendah dan berpatutan kepada pengguna," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Kelmarin Kementerian Per-



KERATAN *Kosmo!* semalam.

dagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran tempatan ketika ini ada kaitan dengan peningkatan harga baja dan racun di pasaran dunia.

Jelas Mohamad Khairil, PKPS akan turut melancarkan kempen jualan mega jimat bagi memastikan rakyat negeri ini mendapat akses sayuran berkualiti pada harga rendah.

"Sebagai contoh, kita akan menjual sayur pak choy hanya RM3.50 per kg berbanding harga



SAYURAN yang dijual PKPS di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan semalam.

pasaran iaitu RM9, manakala kacang buncis dijual RM6 per kg berbanding RM15.

"Kempen jualan itu juga seba-

hagian daripada promosi memperkenalkan jenama komersial PKPS iaitu Ehsan kepada orang ramai," ujarnya.

Tambah beliau, lokasi dan kaedah jualan akan dikongsi pihaknya menerusi laman Facebook dan Instagram PKPS.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 November 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kilang ayam buang sisa ke longkang
Muka Surat	:	17

Premis terletak di Kajang diserbu penguat kuasa JAS, tidak ada loji rawat air sisa

Kilang ayam buang sisa ke longkang

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Tindakan tidak bertanggungjawab sebuah kilang memproses ayam di Kajang dekat sini yang sesuka hati membuang sisa bahan mentah itu ke dalam longkang awam membawa padah apabila diserbu pihak berkuasa kelmarin.

Serbuhan dilakukan Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada pukul 11 pagi itu adalah hasil aduan orang awam yang mendapati terdapat sisa cucian lantai dan bahan proses ayam telah dibuang ke longkang sehingga mencemarkan kawasan sekitar.

Pengarah JAS Selangor, Nor Aziah Jaafar berkata, berdasarkan siasatan awal, kilang berkenaan telah beroperasi sejak lima tahun lalu dan terlibat dalam memproses ayam untuk pasaran di sekitar Lembah Klang.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati premis itu juga tidak mempunyai loji rawatan air sisa yang dikehendaki sebagai satu prosedur mengelak dan mengawal pencemaran sungai.

"Sebaliknya, kilang itu hanya menggunakan sistem perangkap




SISA cucian lantai dan proses ayam yang dikesan dibuang di longkang sehingga mencemarkan persekitaran.

minyak untuk menakung air sisa tersebut sebelum dilepaskan ke longkang di luar kilang.

"Kilang yang terletak di lembangan Sungai Langat itu dibimbangi boleh menyebabkan pencemaran sumber air sekira-

nya pelepasan air sisa berlaku berterusan," katanya ketika dihubungi Kosmo di sini semalam.

Jelas beliau, sebanyak tiga sampel efluen telah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.



PERALATAN kilang memproses ayam yang dikenakan notis Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) daripada JAS Selangor.

Tambah Nor Aziah, pihaknya juga telah mengeluarkan notis Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi memastikan tindakan pembaikan diambil segera oleh pihak

kilang.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009," tegasnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 November 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Mou exchange ceremony
Muka Surat	:	18



KETUA Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, Prof. Md. Nasir Ibrahim (kiri) menghadiri pelancaran perkhidmatan pawagam atas talian, Film Wallet Premium Video-On-Demand di ibu negara baru-baru ini. Servis itu dijangka bakal merevolusikan dan meningkatkan pengalaman pengguna dengan kemudahan tontonan filem di persekitaran yang selamat dan selesa.



ATAS: Wakil Ketua Negara Airbus Malaysia, Raymond Lim (dua dari kanan) bertukar dokumen perjanjian memorandum persefahaman (MoU) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor Incorporated, Norita Mohd. Sidek di Pameran Penerbangan Selangor di Subang, baru-baru ini.
 Anak syarikat Airbus, Sepang Aircraft Engineering dan kerajaan negeri Selangor menandatangani MoU yang memberi tumpuan kepada pendidikan serta latihan teknikal dan vokasional bersama dengan Institusi serta agensi latihan di Selangor.



KETUA Pegawai Eksekutif Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARI), Datuk Madani Sahari (duduk, kiri) dan Pengarah Urusan Kumpulan Pecca Group Berhad, Datuk Teoh Hwa Cheng (duduk, kanan) menandatangani MoU bagi pengembangan pasaran serta penerokaan pembuatan alat ganti kenderaan elektrik di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Anjung Korporat



PENGARAH Urusan Hyundai-Sime Darby Motors Sdn. Bhd. (HSDM), Low Yuan Lung (kiri) bersama Pengarah Urusan, Peruncitan dan Pengedaran Sime Darby Motors Malaysia, Jeffrey Gan bergambar bersama kenderaan elektrik, Hyundai Kona Electric.

Model yang menandakan kejayaan penting HSDM dalam industri automotif itu ditawarkan dalam tiga varian iaitu Kona Electric Lite (e-Lite), Kona Electric Plus (e-Plus) dan Kona Electric Max (e-Max) pada harga permulaan RM149,888.



KETUA Pegawai Eksekutif Kumpulan Berjaya Corporation Berhad, Jalil Rasheed (kiri) bersama Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Ahmad Masrizal Muhammad dan Pengerusi Koopnita, Datuk Seri Zurainah Musa pada majlis penyampaian barangan keperluan makanan, cermin mata dan pakaian terpakai kepada wakil universiti di sebuah hotel di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Berjaya Cares Foundation telah menjalin kerjasama dengan Koopnita untuk menyumbang kepada lima institusi pengajian tinggi bagi manfaat kira-kira 2,000 pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 November 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kejayaan dan pengiktirafan MPHS pemangkin pembangunan Hulu Selangor
Muka Surat	:	13

Kejayaan dan pengiktirafan MPHS pemangkin pembangunan Hulu Selangor

Bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di daerah Hulu Selangor, Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) menetapkan misi untuk menyediakan pembangunan seimbang dan infrastruktur yang kondusif melalui tadbir urus yang cekap dan efisien.

Faktor ini juga demi memastikan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada pelanggan dan stakeholder.

Bermula dari tahun 2006, MPHS yang dahulunya dikenali sebagai Majlis Daerah Hulu Selangor, berusaha sedaya membangunkan daerah yang indah dan harmoni ini dan menempatkan MPHS setanding dengan PBT lain bertaraf bandar raya.

Meskipun tidak mudah, namun hasil komitmen dan penglibatan semua pihak dari pelbagai peringkat MPHS kini mampu berbangga dengan hasil yang dikecapi.



Kejayaan MPHS dapat dilihat melalui pengiktirafan Program Low Carbon City Framework, Komuniti Tanpa Tunai projek MyRelamp dan banyak lagi.

MPHS juga giat menjalankan program baru bagi membantu masyarakat daerah ini meningkatkan kualiti Perbandaran Daerah Hulu Selangor. Antaranya:

Sisa Jadi Dana (SIDINA)

Program kitar semula yang relevan dengan amalan sisih diberi nafas baru dengan nilai tambah kepada pelaksanaan program sebelum ini. MPHS telah menarik minat orang awam untuk turut sama melaksanakan kitar semula apabila aktiviti ini memberikan pulangan hasil kepada mereka yang terlibat.

Tabung Endowmen MPHS

Salah satu strategi yang digariskan di dalam Pelan Strategik MPHS 2019-2023 di bawah Teras Memperkasakan Tadbir Urus Ke Arah Kecemerlangan Organisasi. Tabung endowmen ini digerakkan bagi mengumpul dana untuk membiayai aktiviti-aktiviti yang menyokong Matlamat Pembangunan Lestari ini. Konsep pengurusan wakaf diterapkan di dalam pengurusan tabung endowmen ini agar berpanjangan dan dinikmati oleh generasi seterusnya. Endowmen ini juga bertujuan menggerakkan program khidmat



sokongan dan bantuan bagi memastikan pendidikan berkualiti dapat dilaksanakan di daerah ini secara inklusif dan saksama sekali gus peluang pembelajaran dapat dinikmati oleh semua pelajar di Daerah Hulu Selangor.

Pembersihan lorong belakang

MPHS telah berjaya mengubah kawasan lorong belakang kedai-kedai yang dahulunya kotor dan tidak teratur kini telah menjadi sebuah kawasan tarikan pelancong di Bandar Kuala Kubu Bharu. Melalui inisiatif ini, para pemilik kedai dan pemilik premis kini lebih bertanggungjawab dengan memastikan kawasan belakang kedai masing-masing sentiasa bersih dan ceria.

Sementara itu, MPHS turut memperuntukkan bajet yang besar untuk menyelenggara aduan-aduan yang diterima daripada masyarakat setempat menerusi unit "Road Gang" yang

membuat rondaan berkala ke seluruh jajaran di bawah seliaan pihak MPHS.

Unit ini juga membuat pelupusan/pembersihan pada papan tanda yang lusuh, melakukan kerja-kerja tampalan jalan bertubang berskala kecil di kawasan jajaran MPHS.

Unit PANTAS pula berperanan dalam membantu pihak berkuasa dan jawatankuasa Pengurusan Bencana Alam Daerah Hulu Selangor semasa berlaku bencana.

Pelbagai kejayaan dan pengiktirafan telah diterima MPHS merangkumi aspek pengurusan, perkhidmatan, inovasi dan sosial.

Kejayaan-kejayaan tersebut bukan sahaja memberi kesan langsung kepada proses kerja di MPHS, ia juga memberi manfaat kepada masyarakat setempat seterusnya bakal menjadi pemangkin kepada Pembangunan Daerah Hulu Selangor yang akan dicapai pada 2035.



KERATAN AKHBAR		
27 November 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Belanjawan 2022 libat belanja RM2.34 bilion
Muka Surat	:	24

Belanjawan 2022 libat belanja RM2.34 bilion

Untuk tahun hadapan, kerajaan negeri menganggarkan kutipan hasil berjumlah RM2.05 juta

Oleh ASYRAF MUHAMMAD dan ENSKU SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor memperuntukkan anggaran perbelanjaan sebanyak RM2.34 bilion menerusi Belanjawan Selangor 2022.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, daripada jumlah itu, sebanyak RM1.22 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus manakala RM1.12 bilion pula bagi perbelanjaan pembangunan.

Menurut Amirudin, untuk tahun hadapan, kerajaan negeri turut menganggarkan kutipan hasil berjumlah RM2.05 juta.

“Antara penyumbang terbesar adalah premium tanah iaitu



FOTO: BERNAMA

Amirudin (tengah) bersama barisan Exco Negeri Selangor menunjukkan buku laporan Belanjawan Selangor 2022 sebelum pembentangan belanjawan di Bangunan Dewan Negeri Selangor pada Jumaat.

sebanyak RM906.33 juta bersamaan 44.21 peratus daripada anggaran hasil keseluruhan,” katanya sewaktu membentangkan Belanjawan Selangor 2022 di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, Belanjawan Selangor 2022 turut menggariskan lima teras utama dalam mendepani cabaran ekonomi semasa ketika ini.

“Kerajaan Selangor masih mengekalkan momentum kedudukan kewangan negeri yang kukuh dan terus berdaya

tahan dilengkapi oleh analisis-analisis serta perkiraan menyeluruh,” katanya.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, kutipan hasil negeri pada tahun 2020 juga adalah sebanyak RM2.256 bilion dan jumlah itu melebihi 2.57 peratus anggaran ditetapkan.

Tambah beliau, bagi tahun ini pula, kutipan hasil merekodkan jumlah 2.1 bilion bagi tempoh sehingga 26 November (Jumaat).

“Ini pencapaian yang memberangsangkan kerana kita dapat mencapai sasaran ditetapkan walaupun dalam tempoh pandemik ini,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 November 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kerajaan labur RM1.08 bilion bangunkan Sabak Bernam
Muka Surat	:	24

Kerajaan labur RM1.08 bilion bangunkan Sabak Bernam

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor melabur sekitar RM1.08 bilion untuk pembangunan ekonomi di Sabak Bernam bagi memastikan sektor pertanian dan pengeluaran makanan di daerah tersebut dapat ditingkatkan.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri akan membangunkan Pusat Industri Hiliran

Hasil Laut dan Agro Makanan seluas 181.11 hektar di Sabak Bernam yang melibatkan pelaburan sekitar RM500 juta daripada pihak kerajaan dan swasta.

“Pusat itu akan dilengkapi jeti pelabuhan bersaiz sederhana, kilang pemprosesan hasil laut dan agro makanan, kemudahan simpanan sejuk beku serta terminal pengangkutan,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 November 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kompleks perumahan pekerja bakal dibina
Muka Surat	:	24

Kompleks perumahan pekerja bakal dibina

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor memperuntukkan dana sebanyak RM5 juta bagi memulakan usaha untuk melaksanakan pembinaan Kompleks Perumahan Pekerja di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pembinaan kompleks itu

bakal dilaksanakan menerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

“Sehingga kini, kawasan seluas 58.68 hektar telah dikenal pasti bagi menjayakan usaha itu. Kompleks ini juga dijangka dapat menempatkan kira-kira 60,000 pekerja,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 November 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Projek impak tinggi dibangunkan di pesisir Sungai Klang
Muka Surat	:	24

Projek impak tinggi dibangunkan di pesisir Sungai Klang

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor telah mengenal pasti jajaran kawasan seluas 242.81 hektar di pesisir sungai Klang bagi melaksanakan pembinaan projek berimpak tinggi bermula tahun hadapan.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pelaksanaan projek itu akan

dibangunkan dalam tempoh lapan hingga 10 tahun akan datang.

“Landasan Lumayan Sdn Bhd bakal melancarkan pembinaan 2,000 unit kediaman mampu milik dan 1,400 unit kediaman harga bebas dengan anggaran nilai pembangunan kasar RM1 bilion,” katanya.



KERATAN AKHBAR
27 November 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Selangor umum bantuan khas satu setengah bulan gaji
Muka Surat	:	24

Selangor umum bantuan khas satu setengah bulan gaji

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor mengumumkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) melibatkan pembayaran satu setengah bulan gaji kepada penjawat awam di negeri tersebut menerusi Belanjawan Selangor 2022.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pemberian bantuan itu yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM37.5 juta sebagai tanda penghargaan terhadap usaha serta komitmen penjawat awam yang berkorban tanpa mengenal erti penat dan lelah.

Beliau berkata, BKK pertama melibatkan pembayaran setengah bulan gaji dengan kadar minimum RM1,000 sebelum ini telah disalurkan sewaktu Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

“BKK kedua iaitu satu bulan gaji dengan kadar minimum RM1,000 akan dibayar pada 29 Disember depan,” katanya sewaktu membentangkan Belanjawan Selangor 2022

pada Jumaat.

Dalam perkembangan berlainan, Amirudin berkata, kerajaan negeri sedang membangunkan satu pelan pembangunan lima tahun (2022- 2026) bagi menumpukan usaha mempercepatkan proses pemulihan ekonomi pasca-pandemik dan memacu agenda pembangunan di Selangor.

“Pelan pembangunan lima tahun negeri Selangor telah bermula sejak awal tahun 2021 yang melibatkan proses konsultasi dan libat urus pihak berkepentingan di peringkat negeri, persekutuan dan pihak swasta.

“Pelan ini juga akan memainkan peranan sebagai dokumen strategik yang akan menyelaras agenda pembangunan negeri Selangor di semua peringkat termasuk Pejabat Tanah dan Daerah, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta di peringkat Persekutuan agar ia selari dengan dasar-dasar pembangunan negara,” katanya.



KERATAN AKHBAR
27 November 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Setuju beri insentif pengecualian caj pemaju RM500
Muka Surat	:	24

Setuju beri insentif pengecualian caj pemaju RM500

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor bersetuju memberikan insentif pengecualian 100 peratus bayaran caj pemajuan iaitu RM500 bagi pembinaan rumah mampu milik untuk memacu dan menggalakkan pembangunan rumah mampu milik untuk rakyat.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, insentif tersebut akan dilaksanakan bermula 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2023.

Selain itu, beliau berkata, dasar 100 Hari Kelulusan Tanah yang sebelum ini mensyaratkan bayaran deposit premium tanah 150 premium daripada anggaran akan diturunkan kepada 100 peratus untuk memudahkan urusan pihak industri.

“Dengan beberapa langkah ini kita yakin dapat meningkatkan kadar 'ease of doing business' di Selangor dan menggamit para pelabur untuk terus merencanakan ekonomi negeri,” katanya ketika membentangkan



AMIRUDIN

Belanjawan Selangor 2022 pada Jumaat.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, kerajaan negeri akan memudahkan cara perjalanan perniagaan khususnya dari segi kebenaran merancang, pelan bangunan dan pelan infrastruktur bagi menjadikan Selangor sebagai pilihan utama

pelabur tempatan dan luar negara.

Ujarnya, Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) akan mengukuhkan implementasi 'Smartbox PTGS' bagi memudahkan urusan dan transaksi yang sebelum ini berdepan beberapa kekangan daripada Akta Tanah Negara.

“Proses pembangunan tanah yang biasanya mengambil masa 270 hari atau sehingga setahun di Selangor akan dijimatkan hampir 50 peratus.

“Kemudahan tersebut akan dilaksanakan dan diperluaskan pada tahun 2022 di seluruh negeri Selangor,” katanya.



KERATAN AKHBAR
27 November 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Banjir kilat: KDEBWM kutip 100 tan sampah
Muka Surat	:	25

Banjir kilat: KDEBWM kutip 100 tan sampah



KDEBWM menjalankan kerja kutipan sampah dan pembersihan berikutan kejadian banjir kilat yang melanda Lembah Jaya Utara dan Kampung Melayu Ampang pada Isnin.

AMPANG - Kira-kira 100 tan sampah dikutip bagi kerja-kerja pembersihan berikutan kejadian banjir kilat yang melanda Lembah Jaya Utara dan Kampung Melayu Ampang pada Isnin.

Ketua Perhubungan Awam dan Media KDEB Waste Management (KDEBWM), Mahfuzah Muhammad Tarmidi berkata, jumlah kutipan itu berdasarkan operasi dijalankan selama tiga hari di kawasan terbabit.

Menurutnya, operasi pembersihan yang dijalankan KDEBWM Cawangan Ampang Jaya itu tertumpu kepada bantuan pembersihan dan kediaman mangsa-mangsa banjir serta kutipan sampah pukat.

“Sebanyak 78 buah lori Armroll dan lebih 70 petugas pembersihan telah terlibat. Kira-kira 100 tan sampah telah dikutip sepanjang tiga hari operasi dijalankan,” katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Mahfuzah berkata, KDEBWM juga menggerakkan dan menyediakan

sebuah lori High Pressure Water Jetter KDEBWM bagi tujuan pembersihan jalan dan kediaman penduduk.

“Selain Lembah Jaya Utara, bantuan turut dijalankan di Kampung Melayu Ampang bagi membersihkan longkang yang dilimpahi sampah berpunca dari sungai berdekatan pada Selasa lalu yang melibatkan sebuah lori Armroll dan 10 orang kru,” katanya.

Menurutnya, operasi bantuan itu akan terus dijalankan oleh KDEBWM Cawangan Ampang Jaya bagi memberi bantuan dan sokongan terutamanya kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dalam usaha pemulihan dan bantuan kepada mangsa banjir di Lembah Jaya Utara.

“KDEBWM selaku syarikat yang mengendalikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Selangor sentiasa bersedia membantu semua pihak khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi usaha-usaha bantuan krisis seumpama ini,” jelasnya.



KERATAN AKHBAR		
27 November 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Penerima kurniaan perlu jaga reputasi
Muka Surat	:	25

Penerima kurniaan perlu jaga reputasi

Sultan Selangor mengingatkan penerima darjah kebesaran negeri itu untuk tidak terlibat dengan pertuduhan seperti rasuah, pecah amanah dan salah guna kuasa

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj memandang serius reputasi penerima darjah kebesaran negeri ini khususnya membabitkan pegawai-pegawai yang terlibat dengan pertuduhan seperti rasuah, pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Haris Kasim berkata, Sultan Sharafuddin mengingatkan agar penerima kurniaan itu untuk tidak terlibat dengan perlakuan tersebut bagi melindungi darjah kebesaran berkenaan selain memelihara status penerimanya.

Haris berkata, baginda juga berharap agar langkah sewajarnya dapat diambil

pihak bertanggungjawab bagi membendung gejala tidak sihat itu khususnya melibatkan semua penjawat awam, pemimpin, golongan profesional, ahli korporat dan orang perseorangan yang didapati terlibat secara langsung.

"Ini adalah bagi memastikan negeri Selangor sentiasa berada dalam suasana aman sentosa di bawah tadbir urus yang cekap, penuh amanah dan berintegriti," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Dalam perkembangan berkaitan, Haris berkata, keahlian seorang bekas penerima Darjah Kebesaran Datuk -

Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah (D.S.S.A), OC Phang@Phang Ai Tu juga telah ditarik balik dan dibatalkan berkuat kuasa 11 November lalu selepas pihak terlibat didapati tidak layak memegang kurniaan berkenaan.

Menurut Haris, Phang dikurniakan keahlian darjah kebesaran itu pada 2010 membawa gelaran Datin Paduka.

"Beliau diisytihar muflis oleh Jabatan Insolvensi Malaysia, maka dengan ini darjah kebesaran itu ditarik balik berkuat kuasa 11 Oktober," katanya.

Justeru, beliau berkata, pihak terlibat dilarang menggunakan darjah kebesaran yang dikurniakan sebelum ini termasuk pihak lain juga ditegah memanggil beliau menggunakan gelaran Datin Paduka.



SULTAN SHARAFUDDIN



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
27 November 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pemain ke-12 perlu lebih berdisiplin dalam norma baharu
Muka Surat	:	38

Pemain ke-12 perlu lebih berdisiplin dalam norma baharu



DI TEPI PADANG

ZURAIMEE ZAINAL

Sehari sebelum para penyokong dibenarkan kembali menyaksikan saingan Piala Malaysia 2021 pada 29 Oktober lalu, Presiden Liga Bola Sepak Malaysia (MFL), Datuk Ab Ghani Hassan dalam perbualannya dengan *Sukan Sinar* sekali lagi mengingatkan komuniti sukan paling popular dunia itu supaya meletakkan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sebagai keutamaan utama.

Malah bekas Ketua Pegawai Eksekutif MFL itu menyifatkan kebenaran bersyarat kepada para pemain ke-12 untuk kembali ke stadium diberikan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) itu, merupakan satu kelonggaran istimewa yang diusahakan pentadbir liga bola sepak negara tersebut bagi memeriahkan sambutan ulangtahun piala keramat bola sepak

negara berkenaan.

Nasihat berserta teguran Ab Ghani sebagai tulang belakang MFL disambut baik dalam kalangan penyokong pusingan beberapa perlawanan peringkat kumpulan sehinggalah insiden 7 November di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menjadi saksi pelanggaran SOP pertama apabila seorang penyokong Terengganu FC (TFC) berlari ke dalam padang merayakan jaringan pemain import Jordan Mintah pada perlawanan yang menyaksikan kemenangan 3-1 pelawat ke atas Selangor FC.

Ketika proses siasatan insiden sedang berlangsung, sekali lagi SOP dicemari kali ini dalam kalangan penyokong Kuala Lumpur City (KL City) yang teruja memasuki padang pada 19 November lalu bagi meraikan kejayaan kelab kesayangan skuad warga kota itu mara ke separuh akhir setelah menyingkirkan seteru setempat Selangor FC secara agregat 3-1 dalam aksi suku akhir kedua di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur.

MFL yang sejak awal tidak berkompromi dalam aspek pematuhan SOP itu mengenakan hukuman bermain tanpa penyokong terhadap KL City pada perlawanan separuh akhir pertama manakala TFC pula dikenakan amaran keras dari-

pada pentadbir dua saingan liga tertinggi negara itu.

Seakan tidak serik dengan dua insiden di Petaling Jaya dan Cheras itu, kali ini aksi di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu pada 22 November, sekali lagi jemaah pencinta liga bola sepak negara melanggar SOP dalam skala lebih besar ketika perlawanan separuh akhir kedua TFC menentang penyandang juara, Johor Darul Ta'zim (JDT) yang berkesudahan kedua-dua pasukan terikat 1-1.

Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) mengenakan kompaun RM10,000 terhadap TFC Sdn Bhd dan MFL di bawah Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021, selepas kedua-dua penganjur didapati gagal dalam pengurusan penonton melibatkan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka dengan sempurna.

Tiga insiden yang mewarnai ulangtahun ke-100 Piala Malaysia ini sebenarnya sudah cukup menunjukkan keterujaan dalam kalangan penyokong dalam memeriahkan kembali industri bola sepak negara selepas hampir dua tahun suram penangan pandemik Covid-19.

Biarpun begitu adalah menjadi tanggungjawab kepada setiap jemaah pencinta bola sepak negara demi lenca di dada untuk sekali lagi mengelakkan insiden sama berulang dengan lebih berdisiplin dan matang dalam sebarang tindakan semasa di stadium pada ketika bola sepak sedang dipantau untuk dijadikan contoh pengiat-pengiat sukan lain dalam aspek berkaitan kehadiran semula penyokong masing-masing.

Sebarang pelanggaran SOP tidak hanya akan menjejaskan pasukan dan MFL dalam aspek pembayaran kompaun selain imej Liga Malaysia (Liga-M) tetapi juga berkemungkinan menyebabkan keistimewaan bersyarat dinikmati suasana perlawanan di stadium ditarik semula selepas ini.

Peperangan memutuskan rantaian Covid-19 masih belum berakhir pada ketika semua anggota komuniti mula menjalani kehidupan dalam norma baharu tidak terkecuali komuniti bola sepak dengan menghindari tercetusnya kluster bola sepak dari stadium dengan mematuhi SOP ditetapkan sebelum ini.

* Zuraimie Zainal
ialah Penolong Editor Sukan Sinar



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 November 2021

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Belanjawan Selangor 2022 Lebih Rm 2.34 Bilion
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 November 2021

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Penjawat Awam Terima Bonus 1.5 Bulan Gaji
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2021

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Peruntukan Adun pembangkang Naik Hingga Rm 400,000
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2021

Akhbar	:	Bernama News Channel
Tajuk Berita	:	Selangor Bentang Belanjawan 2022 Berjumlah RM2.34 Billion
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2021

Akhbar	:	Bernama News Channel
Tajuk Berita	:	Selangor Yakin Kembangkan Industri Aeroangkasa
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2021

Akhbar	:	Bernama Radio 24
Tajuk Berita	:	Kerajaan Negeri Selangor Hari ini Mengumumkan Bantuan Khas Kewangan Kepada Panjawat Awam Iaitu Satu Bulan Gaji
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2021

Akhbar	:	Nasional FM (87.7)
Tajuk Berita	:	Peruntukkan Lebih Tinggi Kepada Sektor Kesihatan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 November 2021

Akhbar	:	RTM1
Tajuk Berita	:	Belanjawan Selangor 2022 Bernilai Lebih RM2.34 Bilion
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
26 November 2021

Akhbar	:	TV3
Tajuk Berita	:	SAS 2021 Titik Mula Kembangkan Industri, Tarik Minat Pelabur
Muka Surat	:	-



KERATAN AKHBAR 27 November 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Assessment hike planned for Kajang
Muka Surat	:	2

Assessment hike planned for Kajang

Council working on proposal to meet current valuation rate of properties by 2023

By **VIJENTHI NAIR**
 vijenthi@thestar.com.my

ASSESSMENT for properties in Kajang may go up, subject to the state's approval, from Jan 1, 2023.

At a full board meeting, Kajang Municipal Council (MPKj) president Najmuddin Jemain said the tax adjustment proposal was being drafted.

He said assessment increase was necessary because MPKj was relying on the property valuation rate fixed in 1985.

The rate was last amended in 2005 as the base to calculate assessment tax.

"The new assessment will be calculated based on the estimated annual rental value of the property," he said.

Najmuddin said MPKj spent RM144.8mil per year, on average, for maintenance works between 2016 and 2018 which translated to RM396,681 per day.

He said 80% or 297,798 properties in the municipality were residential units that yielded an estimated RM67mil in assessment collection, a year.

"On average, each unit is charged 62sen per day or RM225.10 a year, which is much lower than the average RM1.33 a day spent by MPKj for maintenance works.

"So, even if the rate is increased



Najmuddin says with assessment increase, MPKj will be able to serve residents better.

by 25%, a standard terrace house will only pay 80sen, which is still much lower compared to MPKj's daily maintenance cost.

"I hope with the adjustment and increase in assessment, MPKj will be able to serve residents better," he said, adding that properties in other categories would also see a hike in taxes.

Najmuddin said MPKj collected RM107mil in assessment annually and depended on non-tax revenue from business licence fee, rental of premises and compounds to provide services to ratepayers.

"Over RM60mil was spent on general cleaning, and the cost is

expected to increase due to increasing management cost.

"I hope all property owners will settle their assessment bills promptly to avoid MPKj from confiscating their belongings," he said.

He requested the councillors' help to remind residents that MPKj had stopped issuing assessment bills as of this year and they could visit <https://ebayar.mpkj.gov.my/ebayar> for details and to make payment.

Najmuddin said the increase in income would help MPKj in its application for city status.

"MPKj has fulfilled all the criteria needed for city status and has made its proposal to the state and Housing and Local Government Ministry for consideration and approval," he said.

With regard to dengue, Najmuddin said from January to Nov 20, there were 3,978 cases and zero fatalities in the Hulu Langat district — a 56% decrease compared to the same corresponding period last year where 9,051 cases and three deaths were recorded.

In the Kajang municipality, 3,008 cases were reported with no fatalities, he said.

In the operation against illegal dumping, Najmuddin said five lorries were confiscated in Taman Pusara, Cheras with eight compounds issued this month ending Nov 24.



KERATAN AKHBAR		
27 November 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Report domestic violence via new SELamat helpline
Muka Surat	:	7

Report domestic violence via new SELamat helpline

By GRACE CHEN
 gracecchen@thestar.com.my

SELANGOR residents who are either victims of domestic violence or know of a neighbour or friend who is exposed to such abuse will now have the new SELamat 24-hour helpline to call for help.

State public health, welfare, women empowerment and family committee chairman Dr Siti Mariah Mahmud, speaking during the helpline's official launch at the Raja Tun Uda Library in Shah Alam, said it has been operational since Nov 1.

The SELamat 24-hour helpline falls under the purview of Wanita Berdaya Selangor, which is the state government's women's empowerment institution.

Integrated with a cloud-based software that enables recording of calls and data analysis, the telephony system took five months to set up.

Dr Siti Mariah said the project was carried out at the behest of Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari, who had allocated RM100,000 from the Kita Selangor 2.0 fund in June for the purpose.

The call centre currently has one full-time worker and the support of 10 registered counsellors.

It has also enlisted the help of the Mental Illness Awareness and Support Association, a non-governmental organisation (NGO) that deals with people suffering from depression and suicidal feelings.

Dr Siti Mariah revealed that the idea of a helpline had stemmed from the many cases of domestic violence reported in light of the Covid-19 pandemic and various movement control orders.

"The NGOs told us that their lines were jammed and their shelters had no more space for incoming cases.

"There were so many cases that, at times, we were at a loss as to what to do next.

"It came to a point that we had to rent hotel rooms for use as temporary shelters.

"That was when we knew we had

24-hour service for victims of abuse and concerned individuals seeking assistance, counselling



Dr Siti Mariah (left) and Wanita Berdaya Selangor chief executive officer Siti Kamariah Ahmad Subki officially launching the SELamat helpline at the Raja Tun Uda Library in Shah Alam.

to do something," she said.

On what the helpline could offer, she said depending on the severity of the case, counsellors might go as far as to offer temporary shelter and assist victims in seeking legal advice.

Stressing that the helpline was but the tip of the iceberg in dealing with domestic violence, Dr Siti Mariah also called on those who personally knew of such situations to seek help for the victims.

"Domestic violence does not only happen to women.

"It also happens to men, children and the elderly, or any individual who is in a weaker position than the abuser," she said.

"Neither is it socioeconomically related, though a majority of reports come from the lower end.

